

UPACARA PENYERAHAN WATIKAH LANTIKAN PEMIMPIN MUDA 2019



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4545-upacara-penyerahan-watikah-lantikan-pemimpin-muda-2019

KULIM, 17 Feb 19 - Ketua Flait Latihan, Mej Mohd Ariffaizi bin Omar TUDM telah dijemput untuk menyempurnakan Upacara Penyerahan Watikah Lantikan Pemimpin Muda 2019 kepada para pelajar Sekolah Kebangsaan Taman Mutiara bertempat di Kulim Kedah. Upacara Watikah Lantikan ini melibatkan seramai 259 orang pelajar yang terdiri daripada pelbagai cabang badan kepimpinan seperti Pengawas, Pembimbing Rakan Sebaya (PRS), Pengawas Pusat Sumber (PSS), Briged Bestari dan Pengawas PPDA. Dalam aturcara program ini, beliau turut diberikan slot untuk memberikan ucapan motivasi dan seterusnya merasmikan program ini.

Program seperti ini diharap akan dapat diteruskan lagi supaya dapat merapatkan hubungan di antara pihak Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan agensi awam.

